

# Keunikan Amsterdam

Bangunan seni bina lama di bandar raya ini berselang seli dengan terusan

Metro 17/11/13 MS 10



JALAN-  
JALAN

Oleh NORAINON OTHMAN  
norainon@hmetro.com.my

"ITU salji ke?" tanya penulis apabila melihat banyak ketulan ais putih terhampar di kawasan lapang selain bersulam dengan hijau rumput.

"Bukan... itu ais," kata ketua rombongan program lawatan pakej Muslim (halal) ke Eropah dan Britain, Dzulkarnain Mohd Noor, merungkai persoalan yang bermain di benak penulis.

Masih tidak puas hati dengan jawapannya, penulis asyik memikirkan, jika ia jatuh dari langit dalam suhu sejuk, adakah ia belum layak dipanggil salji?

Sepanjang perjalanan menaiki bas dalam

hujan renyai yang tidak henti-henti, penulis melihat banyak ais bertebaran di tepi jalan, malah kadangkala bertompok atau bertimbun seperti ais kisar.

"Bila salji nak turun ni?" getus hati penulis, tidak sabar-sabar merasai pengalaman bermain salji sebaik berpeluang menjejakan kaki ke bumi Eropah.

Belanda negara pertama yang penulis lawati sebelum meneroka keindahan dan keistimewaan Jerman, Switzerland, Perancis dan England.

Kunjungan penulis atas undangan agensi pelancongan terkemuka dunia, Trafalgar Tours dengan kerjasama agensi pelancongan di Malaysia, Holiday Tours & Travel Sdn Bhd yang memperkenalkan Pakej Muslim ke Eropah dan Britain selama 11 hari lapan malam bermula Disember lalu.

Selepas berada dalam perut kapal terbang lebih 13 jam dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Schiphol, Amsterdam, Belanda, ketibaan kami (seramai 27

orang, termasuk tiga peserta dari Singapura) pada jam 6 pagi disambut hujan lebat.

Menurut pemandu pelancong kami, Carlos De Neve, Belanda adalah negara di benua Eropah yang bertanah rendah. Kebanyakan tanahnya berada di bawah paras laut. Sebanyak 165 terusan sepanjang 100 kilometer dibina di sekeliling ibu kota Amsterdam bagi mengelakkan banjir.

Disebabkan kedatangan kami pada pagi Ahad, sepanjang perjalanan menaiki bas dari lapangan terbang ke ibu kota sunyi sepi. Banyak kedai belum dibuka.

Suhu serendah empat darjah Celsius membuatkan penduduk Belanda lebih senang duduk di rumah daripada bersiar-siar.

Cuma sehari di Amsterdam, kami menggunakan masa yang ada untuk meneroka keunikan negara yang terkenal dengan terusan, terompah kayu, tulip dan kincir angin ini.

Lokasi pertama kami kunjungi ialah

perusahaan membuat keju dan terompah kayu yang terletak di sebuah perkampungan tidak jauh dari bandar Amsterdam. Di sebuah rumah kayu, kami disambut mesra pemiliknya dan diberi penerangan mengenai pembuatan keju.

Kelihatan keju yang besar, bulat dan berwarna kuning keemasan disusun di rak. Kami dimaklumkan, keju di sini tidak perlu disimpan di dalam peti sejuk, sebaliknya pada suhu bilik.

Berbeza dengan keju yang biasa kita nikmati, keju berkenaan keras dan ia dipotong menggunakan alat pengupas kentang.

Kami turut diberi penerangan mengenai pembuatan terompah kayu. Di atas siling, kelihatan

terompah kayu yang belum siap dicat bergantung, manakala terompah yang sudah diwarnakan dan dicorakkan disusun di rak untuk jualan. Terompah buatan tangan mengambil masa empat jam untuk disiapkan berbanding mesin cuma dalam masa tiga minit.

Dalam cuaca sejuk yang mencengkam, kami kagum melihat beberapa penduduk tempatan berkayak sebagai aktiviti masa lapang. Rupanya, ada juga yang lali dengan cuaca sejuk dan menjadikan waktu sebegini untuk beriadah.


Kami berhenti di Masjid al-Karam di tengah kota Amsterdam untuk menunaikan solat Zuhur. Al-Karam yang diuruskan



AIS melitupi rumput.



Lokasi pertama kami kunjungi ialah



**KEJU** Belanda yang padu dan enak dimakan begitu saja.



**TEROMPAH** kayu dengan warna dan corak menarik.



**BASIKAL** menjadi pengangkutan utama dalam bandar.




**WARGA** Belanda berkayak dalam cuaca sejuk.



**TERUSAN** dibina di sekeliling bandar Amsterdam.

17 FEBRUARI 2013



SUASANA malam yang dirakam ketika menyusuri Sungai Amstel.



BANGUNAN seni bina lama masih terpulihara.

masyarakat Pakistan terletak di antara deretan bangunan tiga tingkat. Di tingkat bawah, kelihatan jemaah lelaki menunaikan solat berjemaah manakala tingkat satu adalah tempat kanak-kanak belajar agama.

Mendaki tangga curam ke tingkat dua, bau harum masakan berempah menusuk hidung. Kami melihat beberapa wanita mengupas bahan untuk masakan.

Bandar Amsterdam cantik dihiasi bangunan dengan seni bina lama. Boleh dikatakan, bangunan dibina berselang-seli dengan terusan - satu pemandangan unik dan mengagumkan.

Di terusan, kelihatan rumah bot yang didiami penduduk mahupun tersedia untuk sewaan pelancong bermalam.



Waktu tengah hari, kami diberi peluang bersiar-siar di tengah bandar serta mencari makan tengah hari sendiri. Kebanyakan peserta program memilih membeli kebab di restoran Asia Barat, namun ada juga membawa bekal nasi dan lauk yang dimasak di hotel. Stok bahan mentah seperti beras dan makanan dalam tin dibawa dari Malaysia.

Dari satu kedai ke satu kedai, tidak banyak yang menarik perhatian penulis untuk dibawa balik sebagai

cenderahati, kecuali magnet peti sejuk dan rantai kunci. Ini kerana kebanyakan kedai menjual barangan atau pakaian musim sejuk.

Menurut Carlos, penduduk Amsterdam tinggal di tengah bandar iaitu di apartmen. Disebabkan itu, basikal menjadi pilihan utama selain tram.

Tempat parkir basikal boleh dilihat di merata tempat, malah sebarang bangunan bertingkat daripada kerangka besi dibina khusus untuk parkir basikal. P u a s

berlegar dari lorong ke lorong, kami berkumpul di satu tempat dijanjikan. Kenyataan seorang peserta program membuatkan kami ketawa sendiri.

Katanya, nampaknya keadaan sudah terbalik kerana jika di Malaysia, orang kita masuk ke dalam kedai kerana mahu menyejukkan badan dengan pendingin hawa tetapi di Belanda, masuk ke kedai untuk memanaskan badan. Sehingga petang, hujan masih membasahi bumi Amsterdam tetapi sedikit reda.

Trafalgar, agensi pelancongan terkemuka



*PENULIS bergambar kenangan selepas bersiar di tengah ibu kota.*



*KELAS agama di Masjid al-Karam.*



**MASJID al-Karam** diuruskan oleh warga Pakistan.



dengan Kerjasama Holiday Tours, menawarkan lawatan pakej Muslim (halal) ke Eropah meliputi Belanda, Jerman, Switzerland, Perancis dan Britain bermula Disember lalu.

Pakej yang akan diadakan di masa akan datang ialah Cost Saver (10 hari) Imperial Europe pada 24 Mei hingga 2 Jun, First Class (lapan hari) European Highlights (27 Mei hingga 2 Jun), dan First Class (sembilan hari) Spanish Wonder (14 hingga 22 Disember).

Jam 5.15 petang, cuaca sudah gelap seperti Maghrib. Kami dibawa bersiar-siar menaiki bot persiaran menyusuri terusan hingga ke Sungai Amstel. Makan malam dihidangkan sajian Indonesia, termasuk tempe dan tahu.

Hujan lebat tidak kami hiraukan kerana asyik melihat pemandangan dan bangunan diterangi lampu di kiri kanan terusan dan Sungai Amstel sambil bersembang dengan rakan.

Leka menikmati keindahan malam, kami terpaku menyaksikan hujan batu menimpa bumbung bot persiaran yang lut sinar. Sekali pun tiada salji di Amsterdam, penulis tetap teruja dengan kebesaran ciptaan Ilahi apabila berpeluang menyaksikan hujan batu berguguran, malah sempat membuat rakaman video.